



Abdul Wahid **berkongsi pengalamannya** sambil diperhatikan oleh Moderator, Mohd Said Bani CM Din pada Program Tanggungjawab Sosial Korporat EKUINAS, semalam. [FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

Usaha kerajaan di landasan betul

» **Penarafan Fitch Ratings bukti langkah proaktif kukuh kedudukan ekonomi semasa**

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Penarafan Tinjauan Stabil yang diberikan oleh Fitch Ratings mengesahkan usaha serta langkah proaktif yang dilaksanakan kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi semasa.

Menteri di Jabatan Perdana

Menyertai, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, berkata penarafan itu juga membuktikan usaha kerajaan termasuk Pengubah-suaian Bajet 2016 berada di landasan betul.

Katanya, ia juga membuktikan pengurusan ekonomi semasa Malaysia ketika berhadapan dengan situasi ekonomi global yang semakin mencabar diuruskan dengan baik.

“Dengan pengesahan itu, saya percaya Malaysia mampu

meningkatkan semula ekonomi dan mengekalkan kedudukan serta berdaya tahan,” katanya pada sidang media selepas pelancaran program tanggungjawab sosial korporat (CSR) Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) dikenali ILTIZAM di sini, semalam.

Unjuran stabil

Baru-baru ini, Fitch Ratings mengesahkan Penarafan Kemungkinan Penerbit (IDR) mata wang asing dan tempatan jangka panjang Malaysia masing-masing 'A-' dan 'A' dengan unjuran stabil.

Unjuran stabil itu menunjukkan penilaian Fitch bawa risiko ke bawah dan ke atas kepada penarafan itu adalah seimbang.

Abdul Wahid berkata, kerajaan akan meneruskan usaha bagi meningkatkan asas ekonomi negara untuk mengukuh serta mengekalkan status penarafan yang diberikan oleh agensi penarafan antarabangsa.

Selain Fitch Rating, katanya, ada agensi lain mengukur kedudukan ekonomi semasa iaitu Moody's dan Standard & Poor's (S&P).

“Kesemua agensi itu memberikan penarafan kredit yang sama iaitu di antara 'A3' ataupun 'A-' serta memberi unjuran stabil (ke atas Malaysia),” katanya.

Mengenai EKUINAS, Abdul Wahid berkata kerajaan terpaksa menimbangkan semula penambahan dana untuk syarikat pengurusan dana ekuiti itu akibat cabaran ekonomi semasa.

“Namun, saya yakin EKUINAS memiliki dana mencukupi bagi meneruskan aktiviti dan pelaburannya,” katanya.